

Keputusan diragui

9 MAR 1990

Dua pesilat harapan kita dibatalkan

BANDAR SERI BEGAWAN — Perasaan Abdul Razak Yassin Bengkak dan kesal, sementara kelopak mata Sheik Alauddin Yacob bergerang dengan air mata kehamisan.

Demikian gambaran wajah dua pesilat Singapura yang dibatalkan perlawanan masing-masing dalam peringkat separuh akhir, di Pusat Belia petang semalam.

Mereka gugur daripada persaingan ke medan akhir bukan kerana kurang hebat, tetapi kedua-dua pencabarannya yang ketebulan daripada Brunei tidak dapat meneruskan perlawanan kerana tercedera pada leher.

Menurut undang-undang silat, seseorang pesilat yang menderita cedera pada bahagian pencabarannya pada bahagian anggota badan yang tidak dibenarkan sehingga pencabar itu tidak dapat meneruskan perlawanan, maka kemenangan akan diberikan kepada pesilat yang cedera itu.

Tetapi dalam perlawanan antara Razak dengan Hairwan Haji Akop dalam kelas G lelaki dan Alauddin dengan Aziz Tuah dalam kelas

I lelaki, adalah diragukan bahawa kedua-dua pesilat Brunei itu mengalami kecederaan dan tidak dapat meneruskan perlawanan.

"Saya sekadar tersikap pada bahagian atas dada kirinya pesilat Brunei itu, yang kemudian mengeluh kesakitan pada lehernya," jelas Razak, 22 tahun.

Sebelum insiden itu, pesilat Singapura jelas lebih unggul dan dijangka memenangi pertarungan tersebut.

Tidak semua penonton

Brunei yang setuju dengan pengumuman wasit yang memberikan kemenangan kepada Hairwan setelah doktor mengesahkan pesilat itu tidak boleh meneruskan perlawanan.

Sedang para pegawai dan pesilat Singapura sekurang-kurangnya dapat menelan kehikahan Razak, tetapi keadaan agak tegang sedikit apabila Alauddin, pemang pingat perak Sukarno SEA, menerima nasib yang serupa dalam pertemuannya dengan Aziz.

Insiden berlaku dalam pusangan kedua apabila Alauddin, yang memusingkan

badannya sambil melepaskan tendangan ke arah Aziz yang cuba meluruh telah terkena sebahagian daripada lehernya lalu jatuh.

Wasit dari Malaysia telah mengarahkan doktor untuk memeriksa Aziz dan kemudiannya mengumumkan Aziz tidak dapat meneruskan perlawanan dan diisyiharkan sebagai pemenang.

Tetapi sebelum pengumuman dibuat, Alauddin yang seperti telah pun mengetahui akan keputusannya, telah membuka baju perlindungan dan menghempas kannya ke lantai gelanggang kerana kecemasan dengan apa yang telah berlaku.

Perbuatannya itu telah menimbulkan sedikit kemarahan para penonton tetapi majuirlah para pegawai Brunei dan Singapura yang lain dapat meredakan keadaan.

Sebelum itu, lima pesilat Singapura yang lain juga terkandas dalam peringkat separuh akhir.

Dengan ini Singapura hanya mengutip lapan gangsa dalam acara silat olahraga ini. — YUSOFF RAHMAN.



RASAKAN: Pesilat Singapura, Abdul Razak Yassin (kanan), melepaskan satu tendangan ke arah saingannya dari Brunei, Hairwan Akob.